

## Reaksi dan Kesan terhadap Perkembangan Industri Kelapa di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) 1902-1941

Zalikha Bahari

Jabatan Sejarah, Universiti Malaya

[zalikha.bahari@yahoo.com](mailto:zalikha.bahari@yahoo.com)

### ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang perkembangan industri kelapa di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dari tahun 1902 sehingga 1941. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti sejauh manakah kemajuan yang dicapai oleh industri kelapa di NNMB. Selain itu, kajian juga membincangkan mengenai kesan dan reaksi masyarakat di sepanjang tempoh kajian tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan sejarah. Kajian perpustakaan dibuat bagi meneliti dan menganalisis sumber-sumber primer seperti dokumen, fail, rekod, laporan dan juga akhbar. Di samping itu, sumber sekunder seperti artikel, kertas kerja, buku dan kajian ilmiah juga dirujuk bagi memantapkan kajian. Skop kajian ini bermula pada tahun 1902, iaitu bermulanya penubuhan jabatan kelapa atau ‘The Department of Coconut, Federated Malay States’ dan tamat pada tahun 1941. Dapatkan kajian ini mendapati bahawa industri kelapa ini mencapai puncak kemajuan bermula pada tahun 1909 berikutan dengan pelbagai usaha oleh semua pihak bagi memajukan industri ini. Di samping itu, pelbagai kesan yang diterima hasil daripada perkembangan industri kelapa di NNMB serta masyarakat memberikan reaksi yang positif dan negatif terhadap perkembangan industri.

**Kata kunci:** Kemajuan Industri Kelapa, Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), Kesan kepada Masyarakat, Reaksi Masyarakat

### 1.0 PENGENALAN INDUSTRI KELAPA

Pokok kelapa merupakan suatu tanaman yang banyak kegunaannya bermula dari hujung daunnya sehingga akar pokok. Pelbagai produk dapat dihasilkan daripada

pokok kelapa, contohnya adalah penyapu lidi, titi, bakul, senduk, tali, perhiasan rumah, beg dan sebagainya. Penghasilan beberapa produk telah dipelbagaikan lagi oleh masyarakat Melayu tempatan seperti dapat menjadikan kelapa sebagai santan, iaitu sebagai bahan asas dalam masakan. (*Warta Perusahaan Tanah*. 1934: 16). Sebelum tahun 1900 lagi, masyarakat Melayu telah mengusahakan tanaman kelapa untuk tujuan kegunaan sendiri secara kecil-kecilan.

Semasa penguasaan pihak British pada tahun 1896, perusahaan kelapa ini dilihat sebagai satu perusahaan yang berpotensi untuk berkembang maju. Di samping itu, kejatuhan harga kopi menjadi satu titik tolak kepada perkembangan industri kelapa yang menjadikan pihak British mengatur strategi untuk menggalakkan penanaman kelapa di NNMB. Sehubungan dengan itu, harga kelapa pada ketika itu adalah tinggi di peringkat antarabangsa. Kejatuhan harga kopi serta peningkatan harga kelapa menjadikan pengusaha-pengusaha tanaman kopi telah beralih arah untuk mengusahakan tanaman kelapa. Pihak British juga telah memainkan peranan penting untuk memperbanyakkan lagi pengusaha bagi tanaman kelapa ini serta dapat menyumbang kepada keuntungan yang berlipat ganda serta mengukuhkan ekonomi pihak British.

Bermula pada tahun 1902, pihak British telah menuahkan satu jabatan khas yang berkaitan dengan kelapa, iaitu '*The Department Of Coconut, Federated Malay States*', pada bulan Oktober 1902 yang beribu pejabat di Kuala Lumpur, Selangor (Zulkarnain Abdul Rahman. 2008: 111). Tugas utama jabatan ini adalah menangani masalah serangan binatang seperti tupai, kumbang, belalang dan anai-anai. Selain itu, jabatan ini turut berperanan memantau keadaan ladang-ladang di negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Setiap kawasan disarankan untuk menghantar laporan kepada jabatan seterusnya akan dihantar terus ke Residen Jeneral tentang perkembangan dan masalah yang berlaku di setiap negeri. Pihak British merasakan bahawa dengan penubuhan jabatan ini, penanaman kelapa dapat dieksport secara besar-besaran dan membawa kepada keuntungan yang tinggi kepada mereka.

## **2.0 PENGUSAHA INDUSTRI KELAPA**

### **2.1 Masyarakat Tempatan**

Perusahaan kelapa pada zaman Melayu tradisional adalah bergantung kepada kedudukan dalam politik di sebuah kawasan. Dalam sistem politik zaman Melayu Tradisional, kedudukan yang teratas adalah sultan atau raja yang mempunyai kuasa mutlak dalam negeri. Sebagai contoh adalah Raja Jalil yang mempunyai ladang kelapa selain sultan dan pembesar golongan syed

juga turut tergolong dalam pemegang ekonomi di Pahang dan Selangor (Fail Setiausaha Kerajaan Selangor. No. Fail. 1640/9), misalnya Syed Abu Bakar memiliki kebun kelapa di Batang Padang, Selangor (Fail SUK. No. Fail, 2585/86). Selain itu, golongan pembesar juga menguasai ekonomi kelapa, iaitu Datu Puteh yang memegang permit dalam kelulusan semua tanaman kelapa di kawasan Jeram (Fail SUK. No. Fail, 1749/83). Di samping itu, Haji Sagoof merupakan pengusaha tanaman kelapa yang kaya dan berjaya selain dari mengusahakan tanaman padi (Fail Setiausaha Kerajaan Selangor. No. Fail. 136/78). Namun, golongan rakyat biasa kurang diberikan peluang dalam perusahaan kelapa. Pada tahun 1896, Haji Karim yang ingin memohon \$1000 bagi pembukaan tanah seluas 30 ekar berdekatan dengan Klang tidak diluluskan oleh kerajaan kerana pihak British mementingkan pembukaan ladang yang berskala besar dan luas (Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. No. Fail 4868/1898). Bilangan pengusaha-pengusaha Melayu tempatan adalah sedikit berbanding dengan pengusaha Barat.

## 2.2 Masyarakat Luar

Namun, terdapat juga masyarakat luar yang menjadi pengusaha kelapa. Di samping itu, pengusaha-pengusaha ini memiliki ladang dengan skala yang luas, contohnya adalah seorang pengusaha kelapa yang datang daripada Sumatera, Haji Mohamed Tahir (John Gullick, 1989). Pada permulaannya beliau telah terlibat dalam pergolakan di Selangor sebagai seorang ketua bagi Sumatera untuk membantu menyelesaikan pergolakan politik yang berlaku di Selangor. Setelah itu, beliau telah melibatkan diri dalam bidang pertanian di Selangor serta telah membawa masuk buruh Jawa sebagai pekerja ladang-ladang beliau. Antara tanaman lain yang ditanam adalah kopi, padi, indigo selain kelapa. Haji Tahir merupakan seorang kapitalis Melayu berjaya, mula menjalankan aktiviti pertanian di daerah Klang pada tahun 1884. Pada tahun 1888, setelah memperolehi pinjaman dari kerajaan, beliau mempunyai sebanyak 600 ekar tanah yang ditanam dengan tanaman indigo, kacang merah, kelapa, buah-buahan dan kopi. Selain itu juga, tanaman kelapa ini telah dipelopori oleh masyarakat Jawa khususnya di Mukim Mawar, Selangor.

## 2.3 Masyarakat Barat

Bermula pada tahun 1906, keluasan negeri Perak dan Selangor mencapai keluasan penanaman kelapa yang tinggi adalah disebabkan oleh pelabur-pelabur asing amnya pelabur Eropah berminat untuk membuat pelaburan modal kerana kemudahan yang banyak dan keadaan tanah yang sesuai di kedua-dua buah negeri ini. Selain itu, pihak British telah meningkatkan usaha bagi mempertingkatkan industri kelapa sehingga berjaya menjadikan industri

mencapai kejayaan pada tahun 1920-an. Antara usaha-usaha mereka adalah dengan menggubal akta tanaman kelapa, mewujudkan rancangan penyelidikan, menggalakkan pemodal-pemodal Barat, mengurangkan cukai tanah, mempelbagaikan produk kelapa dan pembinaan sistem perparitan dan pengairan. Penguasaan masyarakat Barat terhadap pemilikan tanah yang ditanam oleh kelapa adalah begitu tinggi. Antara syarikat yang dimiliki oleh masyarakat Barat adalah *Selangor Coconut Limited*. Di samping itu, kerajaan British telah menambahluaskan ladang *Sapintas Estet*. Pada tahun 1921, ladang ini telah menambahkan hasil tanaman kelapa berjumlah 757 ekar. Penguasaan industry kelapa ini terus diberikan peluang kepada masyarakat Eropah lain, contohnya J.Gibson yang membuka tanah seluas 50 ekar bagi penanaman kelapa di Hulu Langat dan mempunyai ladang kelapa di Klang, iaitu *Tremelby Estet* (Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. No. Fail 53/1913). Selain itu, terdapat salah sebuah syarikat pemodal yang dapat memonopoli industri ini secara besar-besaran, iaitu syarikat Lever,s Pacific Plantations Limited yang masih beroperasi sehingga sekarang.

### **3.0 KESAN INDUSTRI KELAPA**

#### **3.1 Masyarakat Tempatan**

Kemajuan industri kelapa telah memberikan pelbagai kesan kepada masyarakat dari segi politik, ekonomi dan sosial. Terdapat beberapa golongan masyarakat yang menerima kesan kemajuan industri ini antaranya adalah masyarakat tempatan dan masyarakat luar serta memberikan perubahan kepada kemajuan sistem perhubungan, iaitu keretapi. Selain itu, masyarakat juga memberikan beberapa reaksi terhadap perkembangan industri kelapa ini. Pelbagai reaksi yang telah diperlihatkan oleh masyarakat di NNMB yang terlibat dengan perkembangan industri penanaman kelapa. Terdapat dua bentuk reaksi yang diberikan oleh masyarakat sama ada dari sudut reaksi positif dan negatif. Reaksi positif adalah bermaksud tindakan yang baik atau tindakan yang menyokong perkembangan industri penanaman kelapa di NNMB ini. Antara tindak balas positif yang boleh dilihat adalah seperti masyarakat tertarik atau berminat untuk memperluaskan tanaman kelapa serta menyokong usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak British. Contoh reaksi positif yang dilakukan oleh masyarakat adalah kebanyakan masyarakat terutamanya masyarakat Melayu yang telah banyak membuat permohonan tanah bagi memperluaskan tanaman kelapa. Hal ini memperlihatkan tentang reaksi yang baik oleh masyarakat di NNMB khususnya masyarakat tempatan, misalnya ialah situasi yang berlaku di negeri Pahang pada tahun 1909 yang telah dicatatkan ole L. C Brown semasa lawatannya ke negeri itu. Antara kawasan-kawasan di negeri Pahang yang terlibat dengan tanaman

kelapa hanya sebahagian kawasan sahaja yang menerima galakan bagi memperluaskan tanaman kelapa ini. Kawasan yang menerima dengan positif mengenai tanaman ini adalah melibatkan dua daerah, iaitu Pekan dan Kuantan. Antara dua daerah ini daerah Pekan yang dapat memuaskan hati L.C Brown kerana beliau melihat banyak ladang-ladang baru yang dibuka oleh penduduk tempatan serta tanaman-tanaman ini mengikut garis panduan yang betul serta mencapai tahap yang disarankan oleh kerajaan dari segi kebersihan ladang, jarak tanaman dan sebagainya (Report Of The Director Of Agriculture For The Year 1909: 7). Catatan L. C Brown adalah seperti berikut:-

*"Altogether I am very satisfied with the progress and improvement in the native holdings in these districts, especially so with the mukims immediately above Pekan, where the plantations are now maintained in excellent order. The owners of the kampongs here are making a good bridle-path, 6 feet wide, alongside the river, opposite their individual holdings, and as these are clean and well kept, the general appearance is improved. Besides the other advantages this pathway naturally affords."*

Tambahan pula, layanan yang baik telah diberikan kepada beliau oleh masyarakat di kawasan tersebut, contohnya memberi beliau meminjam bot bagi tujuan lawatan di sepanjang sungai. Bukan sahaja masyarakat daripada golongan bawahan yang menyokong perkembangan industri penanaman kelapa ini, malahan golongan bangsawan juga menyokong tindakan pihak British dalam memperkembangkan industri ini.

Sebagai contoh permohonan yang dilakukan oleh Tuan H.C Homles, pegawai pentadbiran di Kuala Selangor yang meminta kebenaran daripada Residen Selangor untuk pergi ke Sumatera bagi tujuan membuka jaringan perdagangan, iaitu barang kelapa antara dua buah negara tersebut (Fail Setiausaha Kerajaan Selangor. No. Fail. 3179/97). Perkembangan tanaman kelapa ini jelas menampakkan perkembangan yang positif kerana perdagangan eksport kelapa mengalami kenaikan yang positif sehingga kelapa menjadi satu barang komoditi yang penting sehingga memberikan impak kepada pertambahan jumlah eksport kelapa ke negara Indonesia. Aktiviti mengeksport kelapa ini sudah lama berlaku antara dua buah negara ini bermula awal 1890-an sehingga tahun 1930. Apa yang dapat diperlihatkan lagi antara dua buah negara ini, iaitu Tanah Melayu dan Sumatera adalah berlakunya perpindahan penduduk yang kebanyakannya daripada penduduk di Sumatera melakukan penghijrahan sehingga Tanah Melayu dibanjiri dengan masyarakat Sumatera khususnya di negeri Selangor dan Perak. Masyarakat Sumatera ini juga sudah tertarik dengan penanaman kelapa serta mereka menjadikan tanaman kelapa ini sebagai punca pendapatan bagi menyara keluarga. Malahan di Perak khususnya terdapat satu perusahaan kelapa

kopra yang dikerjakan secara beramai-ramai di Bagan Datoh, Perak. Perusahaan kelapa kopra oleh masyarakat Melayu Sumatera itu telah berjaya mengekalkan perusahaan mereka dari tahun 1900 sehingga kini.

Terdapat juga masyarakat yang memberikan reaksi yang negatif terhadap perkembangan industri penanaman kelapa ini. Hal ini demikian kerana sikap masyarakat Melayu yang kurang mempunyai sifat berdaya saing antara masyarakat lain. Masyarakat Melayu hanya berminat mengusahakan tanaman kelapa secara kecil-kecilan berbanding dengan pemodal daripada luar yang mengusahakan tanaman secara besar-besaran. Terdapat satu kenyataan yang menunjukkan bahawa masyarakat Melayu berminat untuk menanam kelapa tetapi dengan penglibatan perusahaan secara kecil-kecilan.

*“Now that the Natives have been induced in their own interests to give more attention in the cultivation of the coconut... it would be really difficult to imagine anything more ideal for Malays than these Natives holdings, which with the adjacent padi land appear to yields all they can possibly want that is needful for their welfare...there is always a convenient and large attap buildings on the premises for the owner and his family and what with coconuts, fruits trees, padi land, etc., the products from which alone should prove ample for the support of himself and his family, grazing ground for the buffalos and sheep, breeding of fowls, I am inclined to quote from one of my annual reports, that I am of the opinion, a Native, with comparatively small means who owns his 5 or 10 acres of land on his kampong property kept and cultivated is in his own way as well and comfortable off as the more wealthy owners of large estates.” (L.C Brown. Report of Agriculture of Temerloh District. 1913: 227.)*

Penglibatan masyarakat Melayu dalam penanaman kelapa ini adalah kurang berbanding dengan pemodal daripada luar. Setelah diteliti terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan masyarakat Melayu hanya terlibat dengan perusahaan kelapa secara kecil-kecilan, iaitu disebabkan oleh kekurangan modal dalam bentuk tanah dan kewangan. Selain itu juga, pihak British banyak membuka peluang kepada pemodal-pemodal luar khususnya pemodal Eropah, pemodal Cina dan pemodal India. Hal ini adalah disebabkan oleh pihak British mahukan keuntungan yang berlipat kali ganda apabila industri ini berkembang dengan begitu pesat membolehkan pemodal-pemodal besar mendapat pendapatan yang tinggi akan menguntungkan pihak kerajaan kerana hasil cukai tanaman kelapa adalah tinggi. Perbezaan yang ketara apabila masyarakat Melayu mengusahakan tanaman kelapa ini adalah berskala kecil. Oleh sebab itu, pihak British kurang memberi galakan kepada pengusaha-pengusaha Melayu.

Sikap syarikat asing yang mahu menguasai pemilikan tanah untuk ditanami dengan kelapa sehingga menimbulkan reaksi kurang senang pengusaha tempatan turut mengakibatkan persaingan antara mereka. Ada di antara permohonan yang dikemukakan ditolak dan diberi kawasan lain yang diyakini tidak boleh diusahakan dengan kelapa. Hal ini terjadi di daerah Kuala Langat pada tahun 1912. *Selangor Coconut Limited* telah mengemukakan permohonan untuk mengusahakan kawasan tanah simpanan orang Sakei yang dikatakan bersempadan dengan kawasan milikan mereka. Ini menimbulkan pertentangan antara kedua-dua pihak. Justeru itu, penghulu Hussin telah meninjau dan melaporkan bahawa kawasan yang menjadi pertikaian berkenaan tidak diusahakan. Laporan berkenaan adalah seperti berikut, “*The Sakei's have never inhabited in the land and it would be advisable to place them on the boundary of the company's application*”. Oleh itu, pendekatan yang diambil oleh pegawai daerah Kuala Langat adalah menunggu dahulu keputusan tinjauan yang bakal dibuat. Tindakan yang dilakukan oleh beliau boleh dianggap tidak mahu bertelagah dengan mana-mana pihak di samping berlaku adil dalam permasalahan yang timbul.

## 4.0 Masyarakat luar

### 4.1 Reaksi Pihak British

Penguasaan undang-undang oleh British ini akan memudahkan lagi penguasaan terhadap ekonomi di Tanah Melayu khususnya di NNMB industri kelapa ini secara rasminya dikuasai oleh pihak British bermulanya pada tahun 1902. Pada tahun ini, diwujudkan jabatan yang dapat mengusai NNMB secara khasnya dalam industri kelapa dengan tertubuhnya ‘Department Of Coconut Federated Malay States’ pada Jun 1902. Perubahan yang dilakukan oleh pihak British dengan menjadikan tanaman kelapa ini kepada tanaman komersial dan diusahakan secara besar-besaran sehingga menjadi sebuah industri yang berkembang maju. Perdagangan mengeksport tanaman kelapa secara besar-besaran telah berlaku di NNMB khasnya dalam mengeksport kopra. Penguasaan ekonomi terhadap industri kelapa ini secara tidak langsung telah mengukuhkan lagi politik pihak British di NNMB.

Industri kelapa ini didapati lebih bersifat agresif bermula tahun 1902 sehingga tahun 1928. Berdasarkan tempoh waktu tersebut industri kelapa telah mendapat perhatian ramai daripada masyarakat tempatan mahupun masyarakat luar. Unjuran daripada itu, harga kelapa kopra adalah tinggi diperingkat dunia yang dapat mencuri perhatian para pemodal dari luar negara untuk membuka ladang-ladang dan kilang di NNMB khususnya pemodal-pemodal Barat. Pihak British juga memberikan galakan kepada pemodal-pemodal besar dengan memberikan pelbagai insentif seperti pengurangan modal, pinjaman kewangan, pembukaan

ladang baru dan sebagainya. Tindakan pihak British yang menggalakan pemodal-pemodal besar dalam meluluskan pinjaman dengan jumlah yang besar ini telah menguntungkan pihak British. Pada permulaanya, pihak British perlu memberikan modal yang besar kepada pengusaha-pengusaha Barat ini, sebaliknya tindakan bijak ini semestinya memberikan keuntungan kepada pihak kerajaan yang akan memberikan pulangan keuntungan yang lebih tinggi daripada jumlah modal yang diberikan. Tambahan pula, pihak kerajaan British telah menambahluaskan ladang *Sapintas Estet*. Pada tahun 1921, ladang ini telah ditanam dengan pokok kelapa seluas 757 ekar. (*Report of the Director of Agriculture for the Year, 1921:6*). Keluasan ladang ini adalah sebanyak 2,122 ekar yang dibahagikan kepada beberapa tanaman lain seperti:

**Jadual 1: Jenis Tanah dan Keluasan untuk Pertanian di NNMB Pada Tahun 1923**

| Jenis Tanah             | Keluasan(ekar) |
|-------------------------|----------------|
| Kelapa                  | 938.1          |
| Getah                   | 88.6           |
| Tanah kosong            | 64.3           |
| Tanah runtuh            | 67.1           |
| Tanah untuk pembangunan | 17.3           |
| Tanah terbiar           | 45.5           |
| Tanah Simpanan          | 901.6          |

Sumber: *Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States. For the Year 1923. Supplements to the "F.M.S Government Gazette," June 27. 1924.* Hlm. 7.

Berdasarkan Jadual 1 yang ditemui, tanah yang ditanam dengan kelapa adalah berjumlah 938.1 ekar pada tahun 1923. Jumlah tanaman pada tahun ini adalah lebih banyak berbanding dengan tanaman getah hanya seluas 88.6 ekar. Berikutnya dengan itu juga, harga kelapa kopra masih berada pada tingkat harga yang tinggi. Selain daripada harga kelapa kopra yang tinggi, permintaan kelapa kopra daripada luar semakin bertambah pada tahun-tahun berikutnya. Jika diteliti, jadual di atas menunjukkan masih terdapat banyak tanah simpanan yang tidak ditanam dengan sebarang tanaman yang berjumlah 901.6 ekar. Pada tahun 1920-an ini juga, pihak kerajaan masih menggalakan pembukaan tanah baru khasnya untuk menggalakan lagi pemodal menyuntik modal bagi memperkembangkan industri kelapa ini. Namun, terdapatnya kelemahan yang dipandang serius mengenai pembukaan tanah baru, iaitu pihak kerajaan hanya meluluskan pembukaan tanah baru oleh pemodal-pemodal yang besar serta

bermodal tinggi, sekaligus telah mengakibatkan pengusaha-pengusaha yang bermodal kecil masih berada di tahap yang lama.

Industri kelapa bukan sahaja memberikan kesan kepada ekonomi malahan telah memberikan kesan kepada sudut politik masyarakat di NNMB. Sememangnya pihak British telah lama menguasai pentadbiran di Tanah Melayu. Secara rasminya pihak British menguasai Tanah Melayu sejak perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Namun, selepas perjanjian tersebut pihak British secara perlahannya telah mengukuhkan kedudukan politiknya di Tanah Melayu dengan penguasaan undang-undang dengan mengubah beberapa dasar yang menjadikan masyarakat mudah terikat dan mudah untuk mengawal aktiviti masyarakat di Tanah Melayu. Misalnya adalah perubahan undang-undang bagi pemilikan tanah. Sebelum British menggubal undang-undang tersebut, pemilikan tanah cara tradisional adalah longgar. Ia bermaksud tanah yang belum dimiliki oleh sesiapa boleh dipohon kepada pembesar-pembesar Melayu. Kurangnya syarat-syarat khusus yang dinyatakan berbeza dengan undang-undang pemilikan tanah yang telah digubal oleh British. Selain itu juga, pemilik tanah perlu menanam tanaman mengikut keinginan pihak British dengan mengambil kira manfaat yang akan diperolehi oleh pihak kerajaan.

## 5.0 REAKSI PEMODAL

Semakin banyak jumlah pemodal-pemodal besar ini mengusahakan tanaman kelapa di NNMB, semakin banyak jumlah keuntungan yang diperolehi oleh pihak British. Sebagai contoh di Selangor, *Morib Coconut Syndicate*, syarikat ini mempunyai tanah yang berukuran besar di mukim Klanang pada tahun 1906 (Fail SUK. No. Fail. 155/03392). Seterusnya pada tahun 1909, syarikat ini telah melebarkan pengaruhnya apabila dibuat permohonan di mukim Klanang seluas 100 ekar tanah pada 23 September 1909 (Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. No. Fail 3501/1909). Permohonan oleh syarikat ini telah berjaya diluluskan oleh pihak British kerana modal yang besar serta keaktifan syarikat telah melayakkan syarikat ini untuk terus memonopoli industri kelapa di Mukim Klanang. Selain itu, terdapat juga pengusaha Barat lain yang mendapat manfaat daripada industri kelapa ini. Permohonan pertama tanah baru bagi tanaman kelapa diluluskan pada 30 November 1911 oleh pihak British di Mukim Morib, Kuala Langat oleh Sir Robert Laidlaw yang membuat permohonan tanah sebanyak 1000 (Fail Setiausaha Kerajaan Selangor. No. Fail. 2461/1911). Perkara yang sama juga berlaku di Kuala Langat, permohonan tanah yang dikemukakan oleh J. Gibson untuk membuka tanah seluas 50 ekar di Tanjong Duablas, Hulu Langat pada 14 Januari 1908. Beliau merupakan seorang pengusaha yang kaya serta mempunyai sebuah ladang kelapa di Klang, iaitu *Tremelbye Estet* (Fail Setiausaha Kerajaan Selangor. No. Fail. 384/1908). Persaingan-persaingan yang

timbul antara pemodal-pemodal Barat ini menjadikan pemodal lain ingin menguasai industri kelapa di NNMB.

Manakala di negeri Perak, terdapat juga seorang pemodal oleh Mr. J. Berry yang merupakan seorang pengusaha daripada Ipoh yang memiliki tanah pertanian di Kinta (Fail SUK. No. Fail 53/1913). Application From Mr. J. Berry For 1500 Acres of Land for Coconut Planting in Sepang Mukim yang ingin melebarkan pengaruh ekonominya ke negeri Selangor dengan membuat permohonan tanah seluas 1,500 ekar di Mukim Sepang pada 1913. Beliau berminat untuk membuka ladang di Selangor kerana beliau merasakan bahawa tanah di Selangor adalah bersesuaian dengan tanaman kelapa dan beliau masih belum mempunyai ladang di Selangor. Persaingan antara syarikat-syarikat besar ini menimbulkan pemonopoli oleh syarikat-syarikat menyebabkan wujudnya kekuasaan menentukan kawasan konsesi penanaman kelapa antara pemodal-pemodal. Persaingan ini juga timbul disebabkan mereka sudah mengenal pasti kawasan tertentu yang bersesuaian dengan tanaman kelapa misalnya di Perak dan Selangor. Berdasarkan penelitian, dua negeri ini merupakan negeri yang cukup sesuai dengan tanaman ini dengan keadaan tanah dan iklim yang sesuai. Lantaran itu, ia telah menarik perhatian para pemodal untuk mendapatkan tanah baru bagi tanaman kelapa.

Syarikat-syarikat ini menentukan konsesi bagi kawasan tertentu akan menyenangkan pihak mereka berkongsi keuntungan yang sama. Hal ini jelas kelihatan apabila wakil daripada Messrs Lever Brother, iaitu Mr. J. T. Irvine dan Mr. Hewan (Messrs Bousted and Company Singapore) terhadap penanaman kelapa di NNMB (Fail SUK. No. Fail. 588/1911), Land for the Cultivation of Coconuts in Selangor. Mereka telah bertemu dengan Pesuruhjaya Tinggi NNMB pada 23 November 1911 serta mengadakan perbincangan berkaitan dengan tanaman kelapa. Pesuruhjaya Tinggi memberitahu mereka bahawa Selangor adalah sesuai untuk penanaman kelapa tetapi tertakluk kepada terma-terma yang ditetapkan. Hal ini menunjukkan bahawa reaksi oleh pemodal-pemodal luar adalah positif terhadap tanaman kelapa, malahan telah wujud persefahaman antara kapitalis Barat dengan pihak British dalam menentukan kawasan yang bersesuaian ditanam dengan kelapa. Oleh itu, jelas menggambarkan bahawa keuntungan telah diperolehi oleh kedua-dua belah pihak sama ada pihak pemodal-pemodal Eropah dan juga pihak British dengan tindakannya membuka tanah baru bagi tanaman kelapa khususnya kepada pemodal-pemodal yang besar.

Selain itu juga, terdapat salah sebuah syarikat pemodal yang dapat memonopoli industri ini secara besar-besaran, iaitu syarikat Levers Pacific Plantations Limited yang masih beroperasi sehingga sekarang. Syarikat ini mula menceburkan diri di

NNMB bermula pada tahun 1905. Syarikat ini telah menghantar dua orang wakil untuk berunding dengan pihak kerajaan untuk membuka sejumlah ladang yang besar di kawasan NNMB. Antara wakil-wakilnya adalah Mr. Joseph sebagai Ketua pengurus Syarikat Levers Pacific Plantations Limited, Kapten Langsdale sebagai pembentang kertas cadangan untuk tanaman kelapa bagi syarikat tersebut (Fail SUK., No. Fail. R. G 389/1905). Permulaan syarikat Lever ini adalah di utara England. Ia merupakan sebuah keluarga yang melibatkan diri dalam perniagaan barang runcit bernama William Lever yang memperkenalkan sabun berjenama baru, iaitu dinamakan Sunlight yang mengandungi minyak kelapa dan bukan seperti sabun tradisional menggunakan lemak binatang pada tahun 1884. Seterusnya pada tahun 1887, Lever & Co telah menghasilkan 450 tan sabun Sunlight dalam masa seminggu. Penghasilan sabun yang banyak dalam masa seminggu ini mendorong William Lever untuk membina sebuah kilang yang dinamakan Port Sunlight yang merupakan sebuah kilang terbesar di England. Seterusnya pada tahun 1890 Lever & Co menukar namanya kepada Lever Brothers Ltd. Menjelang empat tahun kemudian, syarikat Lever Brothers telah menghasilkan satu lagi produk baru, iaitu Lifebouy. Pada tahun 1899, syarikat ini seterusnya menghasilkan sabun serbuk Sunlight yang bertujuan untuk memudahkan lagi suri rumah untuk membuat kerja-kerja membersihkan rumah. Pada tahun 1904, syarikat ini memperkembangkan produknya dengan pelbagai jenis sabun dan majerin. Lama kelamaan syarikat ini menjadikan kelapa kopra sebagai barang eksport penting ke beberapa negara Eropah dan telah membina kilang di negara Kanada, Australia dan United States. Peluang yang sama juga diambil oleh syarikat ini untuk memiliki ladang kelapa di beberapa buah negara di German Africa dan NNMB. Seterusnya pada tahun 1905, syarikat ini telah mengadakan rundingan dengan pihak kerajaan dengan membincangkan tentang pembukaan tanah baru bagi tujuan pembukaan ladang kelapa di kawasan NNMB. Namun, setelah penelitian yang dilakukan oleh beberapa orang perunding syarikat ini, pemilik syarikat ini berminat untuk membuka ladang di Selangor memandangkan kebanyakan kemudahan dan struktur tanah yang sesuai. Perkembangan syarikat ini terus berlaku dengan penghasilan pelbagai produk-produk daripada kelapa sehingga ke hari ini. Syarikat ini seterusnya bergabung dengan beberapa syarikat seterusnya dikenali dengan nama panggilan yang baru, iaitu Uniliver. Sehingga ke hari ini syarikat Uniliver adalah peneraju terbesar kepada barang kosmetik, barang pencuci dan pembersihan, aiskrim, pembuatan makanan dan lain-lain. Tambahan pula, terdapat lagi syarikat lain yang terus berkembang maju kesan daripada perkembangan positif industri kelapa di NNMB, iaitu Selangor Oli Mills Company. Kejayaan syarikat ini adalah berjaya menghasilkan 12,657 pikul kopra dan menghasilkan minyak kelapa juga sebanyak 6,000 pikul yang bertempat di Kuala Lumpur. (Annual Report of the Inspector of Coconut Plantations for the Year, 1905: 3).

## 6.0 PERTAMBAHAN LADANG PIHAK BRITISH

Selain daripada perkembangan ekonomi penternakan, industri ini memberikan pertambahan kepada bilangan ladang dan keluasan ladang. Pada tahun 1909, keluasan penanaman kelapa di Perak dan Selangor telah mencatatkan pertambahan yang memberangsangkan. Sebagai contoh negeri Perak telah mempunyai beberapa ladang besar seperti *Gapis Estate*, *Bagan Datoh Estate* dan *Gula Estet*, misalnya pada tahun 1909 keluasan Gula Estet telah direkodkan mempunyai tanaman kelapa seluas 900 ekar. Malahan pada tahun tersebut *Bagan Datoh Estet* telah mempunyai kilang membuat minyak kelapa secara tunggal. Negeri Selangor pula telah merekodkan pertambahan ladang *Batu Unjur Estet* di bahagian Klang telah memperluaskan tanamannya berbanding tahun sebelumnya, manakala ladang yang dimiliki oleh orang-orang Eropah adalah hampir 3800 ekar di Selangor sahaja. Antara kawasan-kawasan yang dimiliki oleh pengusaha-pengusaha Eropah adalah seperti berikut:

**Jadual 2: Keluasan Ladang yang Dimiliki oleh Orang Eropah di Selangor 1909**

| Kawasan      | Keluasan(ekar) |
|--------------|----------------|
| Jugra        | 790            |
| Sungai Sidu  | 655            |
| Klanang      | 538            |
| Permatang    | 500            |
| Bukit Raja   | 400            |
| Jugra Island | 347            |
| Telok Gong   | 300            |
| Laundeston   | 282            |

Sumber: Report of the Inspector of Coconut Plantations  
for the Year 1909, hlm. 6.

Melihat kepada perkembangan industri ini, pemodal-pemodal dari Eropah telah mula menguasai industri ini dengan rancaknya pada tahun 1909. Antara keempat-empat buah negeri, negeri Selangor telah memperlihatkan bahawa negeri ini menjadi pilihan pemodal-pemodal dari luar. Tambahan pula negeri Selangor adalah negeri yang sangat sesuai untuk ditanami dengan tanaman kelapa kerana faktor geografinya yang mantap. Oleh itu, benarlah bahawa pada tahun 1909 penanaman kelapa banyak dilakukan di kawasan Jugra, iaitu seluas 790 ekar yang pada ketika itu bandar tersebut menjadi sebuah pusat pentadbiran di Selangor yang akan memudahkan lagi urusan-urusan mengenai pentadbiran bagi industri kelapa ini khususnya di Selangor.

## 7.0 PERTAMBAHAN PENDUDUK

Hasil kajian yang dilakukan oleh Lambert Donald Harley, iaitu diversified farming and ecological change in a Pahang Malay neighborhood menunjukkan bahawa kemasukan buruh asing ke Tanah Melayu khususnya ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah berlaku pertembungan budaya yang menghasilkan pelbagai etnik. Ini adalah berdasarkan beberapa faktor, iaitu kemasukan buruh-buruh dan pemodal daripada negara luar ke Tanah Melayu. Antara aktiviti ekonomi yang dilakukan adalah pertanian. Sebagai contoh adalah di negeri Pahang, di daerah Pekan yang menjalankan perusahaan kelapa, keladi, gula dan pisang. (Diversified Farming and Ecological Change in a Pahang Malay Neighbours. 1981: 24). Pertambahan penduduk pada tahun 1909, berlaku di Batu Tiga Plantations, Selangor yang didiami oleh orang Jawad dan India (Report of the Director of Agriculture, 1909: 8-9).

Selepas British mengambil alih pentadbiran ekonomi di Selangor, imigrasi secara besar-besaran telah berlaku. Ini berlaku adalah disebabkan oleh dasar yang ditetapkan oleh British, iaitu membawa masuk buruh-buruh ke Tanah Melayu bagi mempercepatkan produktiviti sesebuah ladang kelapa. Antara langkah-langkah untuk memajukan ekonomi di Tanah Melayu adalah membawa kemasukan modal ke Tanah Melayu khususnya di Selangor. Kemasukan pemodal-pemodal dari Cina dan Eropah dalam perkembangan industri kelapa ini telah membawa kepada penghijrahan secara tetap. Proses penghijrahan mempunyai beberapa tahap, penghijrahan pada mulanya adalah berasal dari seorang, kemudian penghijrahan tersebut akan membawa kepada penghijrahan secara berkeluarga seterusnya generasi tersebut akan terus kekal menetap di kawasan tersebut.

Tambahan pula pembangunan awal di negeri Selangor dan Perak telah dibantu oleh orang Jawa yang telah membuka sebahagian besar daripada kawasan negeri itu. Usaha mendapatkan pekerja untuk ladang dan estet tidak hanya tertumpu kepada golongan Cina dan India sahaja. Kedatangan orang Jawa ke tanah Melayu telah bermula sebelum abad ke-19 lagi. Pada tahun 1890... *Labour Commission thought that every reasonable measure should be taken to encourage the importation of Javanese labour<sup>1</sup>* dan pada tahun 1887 Kerajaan Netherlands East Indies telah meluluskan undang-undang bagi mengatur dan mengawal penghijrahan tenaga kerja Jawa untuk bekerja di luar Pulau Jawa.

*“A point of interest referred to by the Assistance agricultural Inspector, Perak Nourth is the increasing interest taken in coconut cultivation by*

*Chinese and Indian; Chinese especially, he reports have planted quite a large area in his district". (Report of the Director of Agriculture for the Year, 1914: 11).*

Selain itu juga, kedatangan orang-orang Jawa di NNMB adalah kesan daripada perkembangan pertanian khususnya penanaman kelapa, misalnya di Selangor, kedatangan orang-orang Jawa jelas diperlihatkan apabila tanaman ini diperluaskan. Di daerah Kuala Selangor juga, penempatan orang Jawa dalam jangka masa awal abad ke-20 hingga tahun 1940 adalah berhubung rapat dengan rancangan kerajaan British untuk membuka tanah bagi pertanian padi sawah di kawasan Tanjung Karang dan Sabak Bernam. Di kawasan ini terdapat juga orang Jawa yang menanam kelapa (Khazin Mohd. Tamrin, 1987: 85-87). Pertanian padi sawah dan tanaman kelapa ini mempunyai hubungan yang rapat sehingga terdapat seorang pengusaha tanaman padi dari Jawa telah melaporkan kepada Pegawai Daerah Kuala Selangor bahawa beliau telah membawa masuk orang Jawa yang sedang mengusahakan ladang kelapa di Teluk Anson bagi mengerjakan padi yang ingin dibukanya seluas 5,000 ekar. Pekerja-pekerja dari Jawa ini boleh melakukan pelbagai perkerjaan sama ada mengusahakan padi dan mengusahakan kelapa. Tambahan pula, orang Jawa ini selalunya akan melakukan perkhidmatan '*kerigan*' yang dijalankan pada hari Sabtu, khususnya untuk menolong menghabiskan kerja-kerja yang belum sempurna (K. M. Koentjaraningrat. 1961: 35-36). Sebagai contoh ialah tanah yang dibuka secara persendirian oleh sekumpulan kecil peneroka biasanya akan dilakukan secara bergilir-gilir. Selain itu, kebanyakkan orang Jawa merupakan golongan majoriti yang menjalankan aktiviti penanaman kelapa ini. Hal ini jelas diperkatakan oleh seorang sejarawan yang telah menulis tentang kedatangan orang Jawa di Tanah Melayu khususnya di Selangor dan Perak.

Kedatangan tenaga kerja Jawa disambut baik kerana mereka bersifat '*very good nattured, docile, accessible and by no means wanting in intelligence*' (J. Crawfurd. N, 1849). Lagipun, terdapat perbezaan daripada orang Cina dan India, keturunan ras yang sama dengan orang Melayu, agama Islam yang dianuti serta corak hidup yang serupa memudahkan orang Jawa diserap dan bersatu dengan komuniti Melayu tempatan. Bahkan, dalam satu utusan rahsia pada tahun 1911, Sir John Anderson pernah menyatakan bahawa:-

*As the Javanese are closely akin in race to the Malays and are like them, Muslims we are especially anxious to encourage Javanese immigrants as the best means of securing a nucleus of a permanent working population (Anderson kepada Harcourt, Fail C.O. 273/369).*

Galakan yang diberikan oleh pihak pemerintah telah menyebabkan tenaga kerja Jawa bertambah setiap tahun sungguhpun jumlah mereka adalah kecil berbanding dengan tenaga kerja Cina dan India. Namun, mereka juga memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan kemajuan ekonomi di NNMB terutama sebagai pekerja di ladang-ladang pertanian, terutamanya kelapa dan kopi.

Pada awal tahun 1893 dalam lawatannya ke daerah Kelang di kawasan seperti Jalan Teluk Menegun telah berlakunya kemajuan pertanian tempatan yang didapati hampir 476 ekar tanah telah ditanam dengan kopi, 346 ekar ditanam dengan kelapa dan 301 ekar ditanam dengan pinang. Selain itu juga, di kawasan Teluk Pulai pula sudah ada penempatan orang Jawa seramai 81 orang serta penempatan orang Melayu dan Cina seramai 25 orang yang telah menanam kopi di kawasan seluas 67 ekar, kelapa di kawasan seluas 248 ekar dan pinang di kawasan seluas 34 ekar (Khazin Mohd. Tamrin, 1987: 93-94).

Tambahnya, kemasukan kaum India juga telah berlaku kesan daripada perkembangan industri kelapa ini. Sebagai contoh di Changkat Estet yang dimiliki oleh Mr. R. Munro adalah sebanyak 30 orang India (Fail SUK.. No Fail. 449/1913). Selain itu, di Sungai Manggis Estet juga telah berlakunya perpindahan 130 orang india untuk berkhidmat di ladang kelapa tersebut (Fail SUK. No. Fail. 1058/1913). Sungai Manggis Estet Application for Agricultural Loan of \$25,000. Namun, bukan hanya penghijrahan buruh-buruh India, malahan buruh dari negara Cina juga berlaku, iaitu di Kuala Langat pada tahun 1900, ladang yang dimiliki oleh seorang Cina yang telah mengusahakan tanaman kopi dan kelapa.

Selain daripada memberikan impak kepada berlakunya pertambahan penduduk, industri penanaman kelapa ini telah memberikan perubahan kepada infrastruktur lain. Perubahan infrastruktur yang berlaku adalah terdapatnya kemunculan bandar-bandar baru, pembinaan kedai-kedai serta bangunan baru bagi tujuan kemudahan masyarakat setempat. Tambahan pula, ia memberikan kesan kepada perkembangan jumlah penempatan bagi kawasan-kawasan di NNMB, khususnya Perak dan Selangor. Sebagai contoh negeri Selangor di kawasan Kuala Selangor dan Sabak Bernam, penambahan jumlah penempatan bagi masyarakat yang suka merantau ini adalah semakin bertambah bagi setiap tahun. Misalnya, penambahan masyarakat Jawa membuka ladang-ladang kelapa adalah bertambah khasnya di Mukim Mawar. Kawasan penempatan ini yang akhirnya telah dihuni oleh masyarakat yang memang asalnya daripada Kepulauan Jawa. Tambahan pula masyarakat Jawa ini merupakan masyarakat yang rajin membantu masyarakatnya sendiri supaya lebih maju kehadapan, contohnya pada waktu pagi masyarakat Jawa ini mengerjakan sawah padi, manakala di sebelah petang mereka bersama-sama membersihkan ladang-ladang kelapa. Pada hujung minggu

pula, masyarakat ini akan bersama-sama membersihkan rumah kediaman dan bergotong-royong menyiapkan rumah kediaman yang sedang dibina bagi memastikan rumah tersebut dapat didiami dalam tempoh waktu yang terdekat.

Tambahannya, industri kelapa ini memberikan peluang pekerjaan kepada semua golongan masyarakat di NNMB. Terdapat banyak peluang pekerjaan daripada golongan bawahan terutamanya kepada masyarakat Melayu, Cina dan India. Peluang pekerjaan banyak dibuka untuk menjadi buruh-buruh di ladang kelapa. Namun begitu, buruh di ladang-ladang kelapa banyak dibuka kepada golongan India dan Cina terutamanya kaum wanita Cina. Terdapat beberapa kepentingan dalam pengambilan buruh Cina dari kalangan wanita ini. Berdasarkan penelitian, kaum wanita adalah golongan yang tekun dalam membuat perkerjaan. Tambahannya pula, di ladang-ladang kaum wanita boleh menjadi tukang masak bagi menyediakan makanan untuk buruh-buruh lain. Jika dibandingkan dengan kajian yang dilakukan bertajuk ‘pelacuran di Negeri-Negeri Selat,’ kaum wanita dijadikan sebagai bahan bagi memenuhi nafsu bagi kaum buruh lelaki. Kaum wanita Cina diperlukan bagi menjadi buruh di ladang-ladang kelapa ini mempunyai kepentingan sendiri bagi keuntungan pengusaha-pengusaha ladang kelapa terutamanya ladang yang dimiliki oleh orang Eropah. Selain itu juga, industri kelapa ini memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat Melayu untuk menyandang jawatan tinggi sebagai sub-Inspector. L.C. Brown merupakan seorang *Inspector of Coconut* yang menyokong pembukaan jawatan sub-Inspector kepada orang Melayu. Sebelum penyuaraan beliau, semua penyandang jawatan tersebut adalah daripada kalangan bukan Melayu. Namun selepas tahun 1909, terdapat beberapa orang Sub-Inspector adalah daripada orang Melayu. Sebagai contoh adalah Zabedin Bin Datoh di Kuala Kangsar, Awang Kechil Bin Mat di Upper Perak, Raja Doraman Bin Raja Mohamed di Kuala Lumpur, Hamzah Bin Abdullah dan Abu Kassim di Lower Perak. Peluang pekerjaan ini memberikan peluang kepada masyarakat Melayu untuk memberikan perubahan kepada taraf hidup keluarganya dengan kesesuaian taraf pendidikan yang mereka perolehi.

## 8.0 INFRASTRUKTUR

Memandangkan sistem keretapi ini bergantung kepada bijih timah sahaja adalah sesuatu yang boleh membahayakan pihak British, pemerintahan British mulai memberikan galakan kepada perusahaan pertanian sebagai sumber pendapatan tambahan. Pada abad ke-19, tanaman komersial pada masa itu adalah tanaman kopi, namun apabila harga kopi didapati jatuh teruk di peringkat dunia, pihak British menggalakkan penanaman kelapa dilakukan. Ini adalah seiring dengan kenaikan harga kelapa kopra dan permintaan yang tinggi daripada luar negara.

Pada tahun 1901 di Perak, sistem keretapi Selangor dan Perak digabungkan sebagai *Federated Malay State Railways*(FMSR) di bawah pentadbiran seorang Pengurus Besar. Landasan utama diberikan keutamaan untuk diperkembangkan berbanding dengan kawasan dipedalam. Di Perak, landasan lembah Sungai Kinta dari Ipoh dilanjutkan ke utara menuju Tanjung Rambutan dan Chemor. Landasan ini dibuka pada tahun 1896 dan selanjutnya dibuka di Sungai Siput pada 1897 dan ke Enggor pada 1898. Seterusnya pada tahun 1898, landasan dibuka dari Taiping ke Kuala Langsar. Pada tahun yang sama juga, pembinaan keretapi bermula di Seberang Perai. Pada 1899 bahagian pertama dibuka di Perai ke bukit Mertajam. Ini dilanjutkan ke Nibong Tebal pada 1900 dan pada tahun 1902 dihubungkan dengan Sistem Keretapi Perak. Secara tidak langsung, Perak telah menjadi kawasan yang strategik untuk perkembangan industri kelapa kerana memudahkan kerja bagi dihantar ke tempat pengumpulan eksport kelapa kopra.

Manakala di Selangor pula, lanjutan landasan dari Kubu Baru ke Tanjung Malim dimulakan dan siap dibina pada 1900. Kemudian, satu lagi lanjutan dari Jalan Tapah dibina bagi menghubungkan Tanjung Malim pada tahun 1903. Menjelang 1903 telah wujud satu lagi rangkaian keretapi yang menghubungkan sistem keretapi Selangor dengan Perak dan Seberang Perai dan ini memudahkan perhubungan antara ketiga-tiga negeri tersebut.

Perusahaan penanaman kelapa ini telah menjadi pencetus kepada kemudahan bagi masyarakat tempatan. Kemudahan pengangkutan dilakukan untuk memudahkan hasil tanaman dibawa ke pelabuhan dan tempat pengumpulan. Pada laporan tahunan oleh Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1913 menyatakan negeri Pahang membuka tanah pertanian bagi tujuan penanaman kelapa. Pada tahun itu, dinyatakan dalam laporan bahawa, negeri Pahang kurang mempunyai kemudahan pengangkutan jalan raya disebabkan oleh banyak ladang-ladang tidak dibuka. Hal ini di perkatakan oleh pengarah dalam Laporan Tahunan Pertanian Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1913. Antara yang dilaporkan adalah seperti berikut:


“There is much good land available in Pahang, but transport difficulties have so far prevented much of this from being utilized. As this state is being opened by roads and railways it is hoped that further agricultural development will follow and especially with coconuts (Report of the Director of Agriculture 1913: 10).

Beberapa tahun kemudian, negeri Pahang mengalami pertambahan pembukaan tanah pertanian terutamanya dalam penanaman kelapa. Kesan daripada

pembukaan tanah baru bagi peningkatan penanaman kelapa di Pahang ini memberikan manfaat kepada penduduk setempat dari segi pembinaan jalan raya yang baru dibuka. Pembukaan jalan ini bukan sahaja memberikan kelebihan kepada penduduk malahan memberikan kesenangan bagi pemilik-pemilik ladang untuk mengangkut hasil ke tempat pengumpulan. Pembukaan ladang kelapa ini menjadi satu kesan yang baik pada masyarakat, iaitu pembukaan jalan raya di Pahang dan landasan keretapi, terutamanya pembukaan ladang kelapa (Bulletin No. 20: 16).


Pembinaan rangkaian keretapi yang pertama di Pahang bermula pada tahun 1912. Namun, perlaksanaan pembinaan jalan keretapi di Pantai Timur sering tergendala. Bagaimanapun, landasan dari Gemas telah pun sampai ke Bahau dan Kuala Pilah dalam bulan April 1910. Dalam tahun 1913 pula landasan itu siap dibina hingga ke Tembeling. Pada tahun 1921, landasan pantai timur mula kelihatan, landasan dari Gemas telah pun siap sehingga Chegar Perah di Pahang. Kemajuan yang begitu perlahan disebabkan kerja-kerja tapak landasan yang sukar dan melencongkannya dari halangan sungai (Lieut. L1. Wansbrough-Jones.1930: 648). Kerja banyak yang terbengkalai akibat daripada banjir besar pada tahun 1926. Pekerja yang berkhemah di Chegar Perah, Pahang telah terputus hubungan selama sembilan hari dan kerugian adalah sebanyak \$300,000 seterusnya telah meragut empat nyawa (Lieut. L1. Wansbrough-Jones, Disember 1930: 648).

Pada tahun 1931, kerja pemetaan telah dilakukan bagi pembinaan jalan keretapi Timur-Barat dari Kuala Lumpur ke Kuantan melalui Genting Peras. Kerja pemetaan juga telah dilakukan bagi kemungkinan membina landasan daripada Merapoh (sempadan Kelantan/Pahang) menuju ke Gunung Tahan. Kesemua projek pembinaan landasan itu telah ditangguhkan termasuklah pembinaan landasan menyusur pantai dari Kelantan ke Johor Bahru melalui Terengganu dan Pahang.



Rajah 1 :Landasan Keretapi Pantai Timur: Cadangan Pembinaan Landasan Melalui Timur atau Barat Gunung Tahan 1910

Sumber: Amarjit Kaur, Sejarah Keretapi di Malaysia, hlm. 38.



Rajah 2: Membina Rangka Besi bagi Pembinaan Jambatan Triang(Pahang)

Sumber: M.A Fawzi Basri, Sejarah Keretapi di Malaysia, Kuala Lumpur, Keretapi Tanah Melayu, 1985, hlm. 68.

Terdapat perkaitan yang berlaku kesan daripada perkembangan rangkaian keretapi. Pembuatan tapak atau jalan keretapi memerlukan ramai pekerja untuk menggali dan membuat tapak keretapi. Pelbagai proses yang perlu dilakukan untuk menyiapkan jalan keretapi. Sehubungan dengan itu, ramai tenaga buruh yang telah dibawa masuk oleh pihak British. Antara buruh-buruh adalah datang daripada negara luar seperti Cina, India dan kepulauan Melayu sendiri. Di negeri Perak, orang-orang Jawa telah berhijrah ke daerah Setiawan untuk menjadi

buruh bagi menjalankan kerja-kerja bagi membuat landasan keretapi. (J. M. Gullick, JMBRAS VOL. 58. PART 1. 1985).

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, perkembangan industri kelapa di NNMB telah memberikan pelbagai kesan dan reaksi daripada masyarakat. Antara reaksi yang diberikan adalah berunsur positif dan negatif, iaitu terdapat masyarakat yang merasakan bahawa perkembangan industri ini memberikan impak yang negatif terhadap pendapatan kehidupan terutamanya masyarakat tempatan. Namun, terdapat juga reaksi positif, iaitu terdapat segolongan masyarakat yang menerima perkembangan industri ini, contohnya masyarakat luar dan masyarakat Barat yang diberikan peluang oleh kerajaan British untuk memperluaskan ladang kelapa di NNMB di atas beberapa kepentingan dan keuntungan kepada pihak British. Tambahan pula, perkembangan ini telah meningkatkan infrastruktur sistem pengangkutan keretapi dan pertambahan bandar seperti bandar Taiping, Perak. Di samping itu, dari sudut sosial pula ialah berlaku pertambahan penduduk di NNMB dengan pelbagai kaum, bangsa dan agama yang dapat membina budaya-budaya baru yang dapat mewarnai kehidupan masyarakat tempatan.

## RUJUKAN

- Department of Agriculture F.M.S. (1909). 'Report of the Director of Agriculture 1909, 1913, 1914. 1961.
- Lambert, Donald Herley. Diversified Farming and Ecological Change in a Pahang Malay Neighbours. (1981). Barkely: California University
- Department of Agriculture F.M.S. (1909). 'Report of the Director of Agriculture 1909, 1913, 1914, 1921.
- Fail Setiausaha Kerajaan Selangor. No. Fail. 1640/92. Raja Jalil Compensation of 86 for 43 Coconut Trees Felled by the PWD Department.
- Fail Setiausaha Kerajaan Selangor. No. Fail, 2585/86. Re The Purches of Syed Abu Bakar's Coconut and Beetles Nut Plants.
- Fail Setiausaha Kerajaan Selangor. No. Fail, 1749/83. Enclosing Claims by Verappa Chitty, Klang Againts Datu Puteh For While He Holds Permit of Coconut Plantations at Jeram as Security.
- Fail Setiausaha Kerajaan Selangor. No. Fail. 136/78. Asks Explanation The Seizure of Some Coconuts Belonging Haji Sagoff.
- Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. No. Fail 4868/1896. Application for a Loan \$1000 From Haji Karim To Open Upland.

- Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. No. Fail 53/1913. Applivation from Mr. J. Berry for 1500 Acres of Land for Coconut Planting in Sepang Mukim.
- Fail Setiausaha Kerajaan Selangor. No. Fail. 3179/97. Application From Mr. H.C Holmes For Perission To Take Tok Imam Penghulu Of Kuala Selangor To Sumatera With The Object of Opening a Trade in Coconut Between Kuala Selangor-Sumatera. 18 June 1897.
- Fail Setiausaha Kerajaan Selangor. No Fail. 449/1913. Loan of \$10,000 to Mr R. Munro.
- Fail Setiausaha Kerajaan Selangor. No. Fail. 1058/1913. Sungai Manggis Estet Application for Agricultural Loan of \$25,000.
- John Gullick. (1989). Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginning of Change. Singapore: Oxford University Press.
- K. M. Koentjaraningrat. (1961). *Some Scial-Anthropological Observation on Gotong Royong Practices in Two Villages of Central Java*. New York: Cornell University Press.
- Khazin Mohd. Tamrin. 1987. *Orang Java Di Selangor: Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- L.C Brown. Report of Agriculture of Temerloh District. (1913).
- Lieut. L1. Wansbrough-Jones. R.E. The Kelantan Section of the East Coast Railway. F.M.S.R. *The Royal Engineer Jurnal*. Disember 1930. *Warta Pernusahaan Tanah*. (1934).
- Zulkarnain Abdul Rahman. (2008). “Pemodal British dan Kelapa Sebagai Tanaman Dagang di Klang, 1900-1930-an”. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*: Bilangan 27.

